

Rujukan kami: UMP.03.01/10.13/3 (27)
Tarikh: 23 Disember 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.2 TAHUN 2022
TAMBAHAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN BAGI UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG (TAMBAHAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL 7 TAHUN 2020)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2022 berkenaan Tambahan Syarat Skim Pembiayaan Kenderaan Bagi Universiti Malaysia Pahang (Tambahan Kepada Pekeliling Bendahari Bil 7 Tahun 2020) untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

Disemak,




SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2022

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

TAMBAHAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (TAMBAHAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL 7 TAHUN 2020)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang tambahan syarat Skim Pembiayaan Kenderaan bagi Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Kemudahan pembiayaan Pinjaman Kenderaan Universiti telah dilaksanakan mulai tahun 2007 melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 3/2007 dengan jumlah dana permulaan sebanyak RM6 juta dan pembiayaan aktif semasa adalah sebanyak RM3.8 juta;

2.2. Kemudahan Skim Pembiayaan Kenderaan UMP terdiri daripada pembiayaan kereta, motosikal dan basikal dengan mengikut kelayakan had dan syarat-syarat pembiayaan mengikut prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil 7 Tahun 2020;

- 2.3. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4 Tahun 2020 meluluskan kenaikan kadar kelayakan pembiayaan kenderaan kepada RM100,000.00 sekaligus dapat meningkatkan kebajikan staf untuk menikmati kemudahan pembiayaan yang lebih tinggi bagi memiliki kenderaan yang selesa untuk keluarga;
- 2.4. Dalam skim sediaada, peminjam atau waris perlu membayar balik baki pembiayaan sehingga selesai bagi kes kematian peminjam termasuk hilang upaya kekal menyeluruh atau sebahagian disebabkan oleh kemalangan atau penyakit; dan
- 2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke 53 Bil. 3 Tahun 2022 meluluskan Cadangan Perkhidmatan Perlindungan Takaful Bertempoh Berkumpulan Bagi Skim Pembiayaan Kenderaan UMP dan jumlah caruman boleh dimasukkan dalam pembiayaan kenderaan.

3.0 TAMBAHAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN

- 3.1 Universiti menetapkan penambahan syarat perlindungan takaful bertempoh secara berkumpulan bagi Skim Pembiayaan Kenderaan UMP. Perlindungan adalah antara 1 hingga 9 tahun bergantung kepada baki tempoh pembiayaan dan jumlah pembiayaan;
- 3.2 Melalui perlindungan takaful ini, syarikat takaful akan membayar Universiti jumlah perlindungan atas kematian peminjam atau hilang upaya menyeluruh dan kekal semasa tempoh perlindungan dan akan diselaraskan dengan baki pembiayaan. Sebarang lebihan akan dibayar kepada peminjam atau waris;
- 3.3 Peminjam baru adalah diwajibkan mengambil perlindungan takaful dan jumlah sumbangan takaful boleh dimasukkan dalam jumlah pembiayaan kenderaan. Bayaran sumbangan adalah berbeza antara peminjam

bergantung kepada penilaian terhadap kesihatan, pekerjaan, umur dan maklumat lain peminjam; dan

3.4 Peminjam sediada perlu memberi maklumbalas setuju terima syarat pembiayaan kenderaan ini dan hendaklah menjelaskan sendiri bayaran sumbangan takaful yang dikenakan oleh syarikat. Sekiranya peminjam tidak bersetuju, baki hutang akan dituntut daripada waris seperti dalam syarat-syarat pembiayaan;

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini ditandatangani.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menandatangani,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 23 Disember 2022

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang